



AKHBAR	: BERITA HARIAN		
TARIKH	: 9/10/2019	MUKA SURAT	: 69
JABATAN	: JPS		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

# 'Jangan lupakan kami'

Penduduk harap kerajaan tambah peruntukan bina tembok penghalang ombak

Oleh Hassan Omar  
bhnews@bh.com.my

**Alor Gajah:** "Jangan melupakan kami. Penduduk sangat berharap kerajaan negeri menambah peruntukan bagi membina tembok penghalang ombak di kampung kami yang terjejas teruk sejak hakisan pantai berlaku pada Ogos lalu."

Demikian rintihan nelayan, Azlan Idris, 58, yang rumahnya antara kediaman mengalami kerosakan akibat hakisan pantai di Kampung Balik Batu, Tanjung Bidara, dekat sini.

"Kerosakan rumah kami sudah semakin teruk disebabkan masalah itu. Kami tidak sanggup kehilangan tempat tinggal, apatah lagi berpindah ke tempat lain," katanya ketika ditemui di kampung itu, semalam.

Bagaimanapun, Azlan mendakwa pihaknya hairan berikutan kampung itu tidak disenaraikan sebagai antara yang bakal disediakan tembok penghalang ombak melalui kaedah pembinaan batu lapis lindung sebagaimana diumumkan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Abdul Hakim Hamzah, minggu lalu.

Beliau berkata, JPS wajar turut menyenaraikan Kampung Balik Batu bagi pembinaan tembok berkenaan, malah mendakwa hakisan pantai turut menyebabkan sebahagian dapur kediamannya roboh.

Media sebelum ini melaporkan Abdul Hakim sebagai berkata, kerajaan negeri memperuntukkan RM3 juta kepada jabatan itu



Azlan (kiri) dan rakannya membina benteng pasir bagi menahan ombak yang menyebabkan hakisan pantai di Kampung Balik Batu, Tanjung Bidara.

(Foto Hassan Omar/BH)

bagi melaksanakan segera pembinaan tembok lapis lindung.

Ia bertujuan mengatasi masalah hakisan pantai yang serius di Kampung Hilir, Kuala Sungai Baru; Kampung Tanjung Dahan, Kuala Linggi; dan Kampung Pengkalan Balak, Masjid Tanah.

Abdul Hakim dipetik sebagai berkata, tawaran tender akan dibuat tidak lama lagi dalam usaha membantu menyelamatkan pantai, pangkalan nelayan dan kediaman penduduk terbabit, namun Kampung Balik Batu yang turut terjejas perlu menunggu peruntukan lain.

Jiran Azlan, Abdul Rahman Daud, 59, mendakwa terpaksa menanggung kos menyewa jentera pengorek untuk mengangkut batu besar serta diletakkan di bahagian dapur bagi mengelakkan rumahnya roboh akibat hakisan pantai.

**Kerosakan rumah kami sudah semakin teruk. Kami tidak sanggup kehilangan tempat tinggal, apatah lagi berpindah ke tempat lain.**

Azlan Idris,  
Penduduk

"Jentera itu mengangkut batu besar 100 meter dari rumah saya untuk dijadikan benteng penahan ombak.

"Justeru, saya merayu kerajaan negeri memberi peruntukan tambahan kepada JPS bagi membolehkan Kampung Balik Batu

turut menerima projek pembinaan tembok penahan ombak," katanya.

Beliau menegaskan, masalah hakisan itu tidak boleh dibiarkan berterusan kerana semakin serius sehingga mengancam keselamatan penduduk, terutama rumah di tepi pantai.

Sementara itu, Abdul Hakim ketika dihubungi berkata, beliau ada mendapat maklum balas secara lisan daripada pihak tertentu dalam kerajaan negeri yang memberi isyarat positif berhubung peruntukan bagi membina struktur binaan sama di Kampung Balik Batu.

"Saya tidak berani berjanji tetapi memang ada maklum balas positif secara lisan. Saya berharap penduduk kampung itu bersabar sementara menunggu maklum balas yang muktamad," katanya.